



JABATAN BENDAHARI
BURSARY

RUJ. KAMI (OUR REF) : UMP.BEND.10.12/3/1(3)
RUJ. TUAN (YOUR REF) :

08 September 2008

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 3/2008

Semua Dekan / Ketua Jabatan

Universiti Malaysia Pahang
Karung Berkunci 12
25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur

Assalamualaikum wrt. wbt. dan selamat sejahtera.

YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

PINDAAN KEPADA PEKELILING BENDAHARI BIL.1/2008 MENGENAI GARIS PANDUAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAT DAN LANGKAH UNTUK MENGURANGKAN PERBELANJAAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan adalah selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2008 – **Pindaan Kepada Pekeliling**

- 1.2 **Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2008 mengenai Langkah Untuk Mengurangkan Perbelanjaan Awam** mengenai kemudahan penggunaan hotel bagi tujuan penganjuran persidangan / seminar / pameran / mesyuarat / kursus / bengkel / *retreat*.
- 1.3 Garis panduan ini juga telah diluluskan di Mesyuarat Pihak Pengurusan Universiti bil.19/2008 bertarikh 03 September 2008.

2.0 KEBENARAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN HOTEL

- 2.1 Selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2008 – **Pindaan Kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2008 mengenai Langkah Untuk Mengurangkan Perbelanjaan Awam**, kemudahan penggunaan hotel dibenarkan semula bagi tujuan penganjuran persidangan / seminar / pameran / mesyuarat / kursus / bengkel / *retreat*.
- 2.2 Walaubagaimanapun keutamaan harus diberikan kepada premis dan kemudahan sedia ada di Universiti atau kemudahan di Kementerian / Jabatan / Agensi lain.
- 2.3 Bagi menggalakkan dan membantu ekonomi negeri Pahang, kebenaran penggunaan kemudahan hotel ini hendaklah diberi keutamaan kepada hotel di sekitar Kuantan khususnya dan Pahang amnya.

2.4 Penggunaan kemudahan ini juga adalah tertakluk kepada jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk tujuan tersebut. Sebarang implikasi kewangan bagi perkara ini hendaklah diluluskan dengan kuasa seperti berikut:-

2.4.1 Bawah RM20,000

Diluluskan oleh Ketua Jabatan / Dekan

2.4.2 RM20,000 dan ke atas

Disahkan oleh Ketua Jabatan / Dekan

Disokong oleh Bendahari dan

Diluluskan oleh Naib Canselor.

2.5 Bagi para 2.4.1 di atas, Jabatan Bendahari berhak untuk menyemak implikasi kewangan terutama dari segi kadar kelayakan staf dan perkara-perkara lain yang perlu mematuhi tatacara kewangan yang telah ditetapkan.

2.6 Adalah menjadi tanggungjawab Dekan / Ketua Jabatan untuk memastikan perbelanjaan yang berbangkit adalah terkawal dan dianjurkan secara sederhana mengikut peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

3.0 TARIKH KUATKUASA


Surat Pekeliling Bendahari Bil. 3 Tahun 2008 ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

4.0 Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Bendahari ini, perenggan 3.7.1 dan 3.7.2 Pekeliling Bendahari Bil.1 Tahun 2008 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari
Universiti Malaysia Pahang

s.k **Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim**
Naib Canselor

Profesor Dr. Sabarudin Bin Mohd.
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Profesor Dr. Rosli bin Mohd Yunus
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Tuan Haji Mustafa Bin Ibrahim
Pendaftar